



Politik etnik di Kuala Lumpur: Kajian tanggapan pengundi dalam kalangan penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) pasca Pilihan Raya Umum 2013

Junaidi Awang Besar^{1&2}, Rosmadi Fauzi², Amer Saifude Ghazali²

¹Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, ²Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.edu.my)

Abstrak

Etnik/kaum merupakan faktor penting dalam mempengaruhi proses dan trend sosialisasi politik di Malaysia. Dengan keadaan demografi dan struktur ekonomi rakyat Malaysia yang berbilang kaum maka tertubuhlah beberapa parti politik yang berasaskan etnik. Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 adalah kesinambungan daripada PRU 2008 yang memperlihatkan kecenderungan sokongan pengundi Melayu kepada BN manakala pengundi Cina dan sebahagian pengundi India lebih memihak kepada pakatan pembangkang atau dikenali sebagai Pakatan Rakyat yang dianggotai PKR, DAP dan PAS. Artikel ini menganalisis persepsi politik pengundi berdasarkan etnik Melayu, Cina dan India di Kuala Lumpur pasca PRU 2013 mengenai Program Perumahan Rakyat (PPR), berdasarkan data soal selidik 1069 responden di 15 skim PPR dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ujian statistik taburan silang (crosstabulation), dan kajian kepustakaan . Hasil kajian mendapati ketiga-tiga etnik menyatakan mereka memilih calon yang jujur dan amanah serta mesra rakyat serta menyokong parti yang dapat memacu pembangunan dan membasmikan kemiskinan. Mereka turut menyatakan rakyat menyokong BN kerana berpengalaman, janji ditepati serta mengenang jasa pemimpin BN terdahulu manakala rakyat mengundi parti-parti dalam Pakatan Rakyat kerana mahu mencuba pemerintahan yang baru, adil dan janji yang ditawarkan adalah menarik dan menguntungkan rakyat. Responden terutamanya etnik Cina lebih kritis terhadap isu-isu nasional seperti isu ekonomi, sosial dan politik. Seterusnya majoriti responden Melayu dan India yang berpendapatan rendah menyokong BN berbanding responden Cina yang lebih menyokong parti-parti dalam Pakatan Rakyat dalam PRU 2013 yang lalu.

Katakunci: etnik, pengetianan, pembangunan, pengundi berpendapatan rendah, pilihan raya, sosialisasi politik

Ethnic politics in Kuala Lumpur: A post – 2013 GE perception study of voters residing in People's Housing Schemes

Abstract

Ethnicity is an important factor influencing the political process and socialization trend in Malaysia. With Malaysian multiethnic demographic and economic structures so established party politics and voting patterns have become virtually ethnicised . Voting patterns in the 2013General Election (GE) was a continuation of that of the 2008 GE whereby Malay voters supported the BN while Chinese and some Indian voters favored the opposition Pakatan Rakyat comprising the PKR, DAP and PAS. This paper analyzes the post -2013 GE political perception of Malay, Chinese and Indians voters who were residents of People Housing Schemes (PPR) in Kuala Lumpur . It is based on primary data gathered from 1069 respondents of 15 PPR schemes located in the Federal Territory of Kuala Lumpur, statistical tests of the data and literature review. Findings revealed that all three ethnics cast their votes for

candidates who were deemed honest, trustworthy and affectionate, and that they supported a political party which they perceived could spur development and eradicate poverty. BN voters voted BN because the party was perceived to have vast experience, trustworthy and because of the long service of past BN leaders. Those who voted for the Pakatan Rakyat parties did so because the parties were perceived as capable of offering fresh, attractive and just governance. Predominantly Chinese respondents were more critical of national economic, social and political issues. Majority of low-income Malay and Indian respondents supported the BN in contrast to Chinese respondents who ardently supported the Pakatan Rakyat parties in the GE 2013.

Keywords: ethnicity, ethnicisation, development, general election, low income voters, political socialization

Pengenalan

Politik di Kuala Lumpur amat istimewa untuk dikaji kerana kedudukannya sebagai ibu negara ini yang mengalami proses urbanisasi/perbandaran serta perkembangan ekonomi yang pesat dan mempunyai komposisi kaum yang seimbang. Situasi politik Kuala Lumpur juga dapat dijadikan indikator kepada senario politik nasional. Kuala Lumpur sebagai ibu negeri pentadbiran kerajaan persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan pusat kegiatan sosio-ekonomi yang penting di Tanah Melayu telah menjadi medan awal pergerakan nasionalisme Melayu yang banyak berpusat di Kampung Baru dan golongan ini sama ada reformis-reformis agama berpendidikan Arab, intelek radikal berpendidikan Melayu dan pentadbir-pentadbir berpendidikan Inggeris, telah melahirkan pertubuhan-pertubuhan yang meliputi seluruh Tanah Melayu secara besar-besaran supaya boleh mempersiapkan orang-orang Melayu sebagai satu bangsa bagi menguruskan hal ehwal mereka sendiri pada masa hadapan. Perkembangan seterusnya membawa kepada beberapa perubahan-perubahan penting kepada lanskap politik Kuala Lumpur melalui pembaharuan-pembaharuan sosio-ekonomi, pentadbiran, pindaan-pindaan akta tertentu dan penyusunan semula masyarakat. Sehingga lewat berakhirnya abad ke-20, politik Kuala Lumpur terus kekal dicerakkan oleh amalan '*racial line*' yang menjadi nilai dan budaya politik masyarakat berbilang kaum di negara ini sejak sekian lama. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis politik etnik dalam pilihan raya umum 2013 dengan menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kajian kes.


Metod kajian

Sumber data kajian diperoleh daripada data primer dan data sekunder. Bagi data primer, sebanyak 1069 responden disoal selidik di sekitar Kuala Lumpur dengan menggunakan satu set borang soal selidik dan responden dibahagikan lagi mengikut etnik. Selain itu, temubual bersemuka turut dilakukan terhadap beberapa pengundi di sekitar Kuala Lumpur di samping pemerhatian di lapangan iaitu ketika hari penamaan calon, kempen, hari pengundian dan pengumuman keputusan PRU yang juga disertai oleh penulis. Bagi data sekunder pula, kaedah rujukan kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan perkembangan pilihan raya umum di Kuala Lumpur. Maklumat sekunder diperoleh daripada data, laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah, akhbar dan jurnal.

Kawasan kajian: Kuala Lumpur

Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia merupakan satu dari tiga wilayah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kuala Lumpur yang meliputi tanah seluas 244 kilometer persegi (94 batu persegi) dengan anggaran penduduk lebih 1.6 juta orang tergolong dalam sebuah kawasan metropolitan besar meliputi sebahagian besar Lembah Klang, iaitu pengelompokan bandar-bandar yang didiami seramai lebih dari 7.2 juta orang penduduk. Bandar raya ini menjadi pusat industri, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi kerana kedudukannya sebagai ibu negara Malaysia (Peter & Phang, 2012). Kuala Lumpur mempunyai 15

skim Program Perumahan Rakyat (PPR) (Lihat Rajah 1). Dari aspek geografi fizikal, Kuala Lumpur terlindung oleh Banjaran Titiwangsa di timur dan pulau Sumatera, Indonesia di barat. Kuala Lumpur beriklim hutan hujan tropika yang panas dan cerah dengan curahan hujan yang lebat sepanjang tahun, terutamanya ketika musim monsun timur laut dari bulan Oktober hingga Mac. Suhunya agak malar iaitu maksimumnya sekitar 31 and 33 °C (88 and 91 °F) tetapi tidak pernah melampaui 37 °C (99 °F), sementara minimumnya sekitar 22 and 23.5 °C (72 and 74 °F) dan tidak pernah kurang daripada 19 °C (66 °F). Kuala Lumpur lazimnya menerima curahan hujan sebanyak 2,266 mm (89.2 in) setiap tahun; bulan Jun dan Julai agak kering, namun demikian curahan hujan biasanya melebihi 125 mm (5 in) sebulan (Peter & Phang, 2012).



Sumber: Diubahsuai daripada Peta AGISwlk Kawasan-Kawasan Perumahan Utama Di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Putrajaya 2012; Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya di 11 kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mengikut Daerah-Daerah Mengundi, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Nota: P114 Kepong; P115 Batu; P116 Wangsa Maju; P117 Segambut; P118 Setiawangsa; P119 Titiwangsa; P120 Bukit Bintang; P121 Lembah Pantai; P122 Seputeh; P123 Cheras; dan P124 Bandar Tun Razak.

Rajah 1. Peta Lokasi Perumahan PPR (Program Perumahan Rakyat) Mengikut Kawasan Parlimen dan Daerah Mengundi di Kuala Lumpur

Hasil kajian dan perbincangan

Kriteria pemimpin yang disokong

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga kaum menyatakan kriteria paling utama pemilihan calon adalah dibuat berdasarkan pemimpin yang jujur dan amanah. Responden juga mementingkan calon yang berjiwa/mesra rakyat dan bersih daripada rasuah (Jadual 1). Mereka inginkan pemimpin yang jujur dan bertanggungjawab mewakili rakyat dengan mementingkan keperluan dan kehendak rakyat tanpa mementingkan diri sendiri dalam membuat sesuatu keputusan (Ahmad, 2013). Faktor tersebut digandingkan dengan personaliti kepimpinan dan mesra rakyat. Aspek kepimpinan dan personaliti pemimpin turut menjadi kriteria kepada pengundi untuk memilih pemimpin yang disokong iaitu pemimpin yang berwibawa, tegas, boleh berdebat dalam memperjuangkan isu/hak rakyat, berketerampilan, berpendidikan tinggi, serta berpengetahuan agama. Ciri-ciri tersebut dilihat oleh responden dapat menyerlahkan tokoh kepemimpinan seseorang pemimpin yang mereka pilih di samping mempunyai personaliti yang baik. Personaliti yang baik bermaksud pemimpin tersebut mestilah bersikap terbuka, mudah ditemui, mesra rakyat dengan mengadakan lawatan atau ‘turun padang’ ke kawasan mereka (Junaidi et al. 2013b). Mereka juga inginkan pemimpin yang senang mendampingi rakyat tanpa sebarang protokol yang menyukarkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah yang dihadapi oleh

Jadual 1. Kriteria pemimpin yang disokong

| Bangsa | Kriteria pemimpin yang disokong | Peratus (%) - Ya |
|--------|--|------------------|
| Melayu | Jujur dan amanah | 100.0 |
| | Berjiwa/mesra rakyat | 100.0 |
| | Bersih dari rasuah | 99.5 |
| | Mementingkan perpaduan kaum dan agama | 100.0 |
| | Mempunyai karisma atau ketokohan | 97.2 |
| | Kelayakan akademik yang tinggi (berijazah) | 87.7 |
| | Pengetahuan agama yang mendalam | 81.3 |
| | Calon tempatan | 48.9 |
| | Sebangsa | 40.4 |
| | Muda | 32.5 |
| Cina | Jujur dan amanah | 98.1 |
| | Berjiwa/mesra rakyat | 98.1 |
| | Bersih dari rasuah | 96.3 |
| | Mementingkan perpaduan kaum dan agama | 94.8 |
| | Mempunyai karisma atau ketokohan | 92.5 |
| | Kelayakan akademik yang tinggi (berijazah) | 76.1 |
| | Pengetahuan agama yang mendalam | 41.4 |
| | Calon tempatan | 45.1 |
| | Sebangsa | 26.1 |
| | Muda | 21.3 |
| India | Jujur dan amanah | 100.0 |
| | Berjiwa/mesra rakyat | 97.6 |
| | Bersih dari rasuah | 97.6 |
| | Mementingkan perpaduan kaum dan agama | 97.6 |
| | Mempunyai karisma atau ketokohan | 97.0 |
| | Kelayakan akademik yang tinggi (berijazah) | 71.4 |
| | Pengetahuan agama yang mendalam | 51.8 |
| | Calon tempatan | 21.4 |
| | Sebangsa | 6.0 |
| | Muda | 15.5 |

mereka. Responden juga mementingkan pemilihan pemimpin yang mempunyai kaliber dan berkarisma dengan kepetahan berucap serta berpengalaman dalam aktiviti kemasyarakatan baik melalui agensi Kerajaan mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Kriteria parti politik yang disokong

Ketiga-tiga kaum juga menyatakan memilih parti politik yang mempunyai trek rekod yang baik akan dipilih dalam pilihan raya. Ini penting kerana parti politik yang pernah dan telah berkhidmat kepada rakyat adalah parti yang berpengalaman, teruji dan memahami kehendak atau keperluan rakyat dalam setiap perkara atau isu yang telah dilalui. Kemudian diikuti parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, agama dan bangsa seterusnya parti memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama (Lihat Jadual 2). Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang dapat memelihara perpaduan kaum, berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi. Parti politik perlu mendahulukan kehendak rakyat dengan memperjuangkan isu ketelusan, anti rasuah dan mementingkan hak asasi kerana hanya parti yang dipercayai dan berprinsip akan disokong rakyat dan terus menang dalam setiap pilihan raya yang mendatang (Junaidi et al. 2012b). Rakyat juga mendokong demokrasi dan hak asasi kerana mereka akan lebih selesa jika pandangan mereka turut diambil kira oleh parti terutama dalam merangka manifesto parti dalam kempen pilihan raya kelak.

Jadual 2. Kriteria parti politik yang disokong

| Bangsa | Kriteria parti politik yang disokong | Peratus (%) - Ya |
|--------|--|------------------|
| Melayu | Mempunyai trek rekod yang baik | 100.0 |
| | Mampu memacu pembangunan & membasmi kemiskinan | 100.0 |
| | Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah) | 100.0 |
| | Mampu memelihara agama & bangsa | 100.0 |
| | Memelihara perpaduan kaum | 100.0 |
| | Dapat menuaikan janji manifesto | 100.0 |
| | Memperjuangkan isu alam sekitar | 99.3 |
| Cina | Mempunyai calon berwibawa, bersih & pendidikan tinggi | 97.4 |
| | Mempunyai trek rekod yang baik | 98.1 |
| | Mampu memacu pembangunan & membasmi kemiskinan | 98.1 |
| | Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah) | 96.6 |
| | Mampu memelihara agama & bangsa | 96.6 |
| | Memelihara perpaduan kaum | 96.6 |
| | Dapat menuaikan janji manifesto | 98.1 |
| India | Memperjuangkan isu alam sekitar | 96.6 |
| | Mempunyai calon berwibawa, bersih & pendidikan tinggi | 96.3 |
| | Mempunyai trek rekod yang baik | 100.0 |
| | Mampu memacu pembangunan & membasmi kemiskinan | 100.0 |
| | Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan, hak asasi manusia, anti rasuah) | 100.0 |
| | Mampu memelihara agama & bangsa | 100.0 |
| | Memelihara perpaduan kaum | 100.0 |

Responden juga menyokong parti politik yang realistik dalam menjanjikan sesuatu perkara terutamanya perkara-perkara yang mementingkan rakyat dalam soal ekonomi mikro (ekonomi rakyat)

yang berlegar pada isu harga barang, gaji manimum, bil elektrik dan air, kemudahan infrastruktur dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Parti politik juga perlu mengutamakan pemilihan calon yang berwibawa dan dilihat bersih serta tidak mengambil kesempatan untuk mengutamakan diri sendiri dan kaum kerabat semata-mata jika diberi peluang dipilih sebagai pemimpin kelak. Pengundi bebas membuat pilihan dan pilihan mereka masih dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menjadi parameter/kriteria mereka. Parameter tersebut amat penting diambil kira oleh calon dan parti politik yang bertanding dan bagaimana ianya dapat diserapkan ke dalam strategi memenangi hati pengundi.

Faktor rakyat menyokong Barisan Nasional (BN)

Faktor utama bagi responden ketiga-tiga etnik bahawa rakyat menyokong BN adalah atas dasar mengenang dan menghargai jasa pemimpin terdahulu (Lihat Jadual 3). Mereka merasakan adalah wajar sebagai rakyat Malaysia untuk terus menyokong pentadbiran BN kerana dengan dasar dan kepimpinan BN yang sedia ada, sekaligus menjadikan Malaysia terus membangun dan terkenal di pelusuk dunia. Pemimpin sebelum ini telah banyak menyumbang idea dan tenaga demi membangun dan memajukan negara (Daud, 2013). Di samping itu, atas pengorbanan pemimpin BN dahulu, ada antara responden yang sedih dan sebak dengan perjuangan pemimpin sebelum ini. Perjuangan untuk keselesaan rakyat dan keamanan negara terus menjadi agenda utama. Pertumbuhan ekonomi turut berkembang dan semakin rancak dengan penelitian yang teratur (Junaidi et al. 2013a). Oleh itu, mereka merasakan adalah wajar untuk mereka terus menerus untuk menyokong BN.

Faktor seterusnya yang menguatkan lagi hujah sebab-sebab rakyat menyokong BN adalah disebabkan oleh faktor pengalaman BN dalam pemerintahan sejak pra-kemerdekaan hingga sekarang. Ini membawa kepada mengenang jasa oleh rakyat kepada parti yang sudah sekian lama meneraju pemerintahan di negara ini. Kebanyakan responden menyatakan sebab yang sama dan mereka ingin terus menyokong BN kerana takut dan tidak bersedia dengan pentadbiran yang baru di bawah parti selain BN kerana dianggap lemah dan kurang pengalaman (Kamarudin, 2013). Faktor pengalaman menjadi salah satu sebab utama rakyat terus menyokong kerajaan yang sedia ada iaitu BN sebagai sebuah kerajaan untuk rakyat sejak 55 tahun yang lepas. Penduduk menyatakan pemilihan BN sebagai parti yang disokong adalah bagi mengelakkan Malaysia berdepan dengan masalah dan nasib yang sama di beberapa buah negara di dunia yang menghadapi kesukaran berikutan penyerahan kuasa kepada parti yang tiada pengalaman.

Selain itu, rakyat juga menyokong BN kerana faktor isu pembangunan dan janji yang ditepati. Masyarakat melihat BN di bawah gagasan 1 Malaysia sebenarnya bertambah mantap dan telah berjaya mengubah pandangan rakyat akan peri pentingnya perpaduan kaum. Pembangunan yang dibuat lebih mengutamakan kepentingan rakyat, antaranya membasmi kemiskinan, menaik taraf sistem pengangkutan awam dan keperluan yang lain. Oleh itu, wujudlah Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Komputer 1Malaysia dan lain-lain. Janji-janji telah ditepati dengan pembukaan lebih 50 buah klinik dengan peruntukan RM10 juta serta barang yang dijual di Kedai Rakyat adalah 30 hingga 40 peratus lebih murah berbanding di kedai lain. Pengedaran unit komputer di sekolah telah membuktikan kejayaan BN menunaikan janji.

Jadual 3. Faktor rakyat menyokong Barisan Nasional (BN)

| Faktor rakyat menyokong BN | Peratus (%) - | Peratus (%) - | Peratus (%) - |
|-----------------------------------|---------------|---------------|---------------|
| | Melayu | Cina | India |
| Mengenang jasa | 66.2 | 55.6 | 59.5 |
| Mesra rakyat | 59.6 | 35.1 | 76.2 |
| Berpengalaman | 58.3 | 40.3 | 68.5 |
| Janji ditepati | 46.3 | 19.4 | 47.0 |
| Sesuai dengan masyarakat majmuk | 19.0 | 20.9 | 33.9 |
| Kepimpinan yang berpandangan jauh | 12.6 | 12.7 | 6.0 |
| Progresif/pejuang kemajuan | 8.5 | 3.7 | 4.8 |
| Terbuka/Sederhana | 8.5 | 4.9 | 1.2 |

Faktor rakyat menyokong Pakatan Rakyat (PR)

Jika dilihat kepada faktor yang menyebabkan rakyat menyokong Pakatan Rakyat (PR), faktor yang paling utama menurut responden ketiga-tiga etnik yang ditemubual ialah janji yang ditawarkan (Lihat Jadual 4). Ketika kempen PRU 2013 yang lalu, para pemimpin dan juga blogger pro PR dengan giat dan aktifnya berkempen mengenai tawaran kepada rakyat sekiranya mereka diberi peluang untuk memerintah negara ini. Mereka berikrar akan melaksanakan janji pilihan raya tersebut jika diberi mandat oleh pengundi di negara ini seperti mana yang termaktub dalam manifesto bersama Pakatan Rakyat. Dengan menguasai Putrajaya, dasar-dasar yang melibatkan kuasa Persekutuan diyakini dapat dilaksanakan oleh pemimpin PR seperti pendidikan percuma dengan menghapuskan pinjaman pelajar iaitu PTPTN dan digantikan dengan biasiswa, penghapusan tol di lebuh raya, menurunkan harga petrol dan harga kereta seterusnya menghapuskan rasuah (Junaidi, 2013).

Selain itu, responden juga berpendapat mereka ingin mencuba pemerintahan baru selain daripada BN. Setelah sejak sekian lama dibawah pemerintahan BN, maka sudah tiba masanya untuk mereka menukar selera atau beralih angin untuk mencuba stail atau gaya pemerintahan oleh parti dan pemimpin baru. Pemerintahan secara berkongsi kuasa cara BN namun dikuasai parti perkauman Melayu iaitu UMNO dilihat oleh sebahagian responden sebagai tidak sesuai lagi untuk diteruskan legasinya di negara ini. Maka dengan itu, mereka melihat gabungan parti dalam Pakatan Rakyat sebagai satu alternatif terbaik untuk diberi peluang untuk menjalankan pemerintahan ‘bukan perkauman’ yang juga dilihat oleh mereka sebagai bersih, adil dan telus.

Jadual 4. Faktor rakyat menyokong Pakatan Rakyat (PR)

| Faktor rakyat menyokong PR | Peratus (%) - Melayu | Peratus (%) - Cina | Peratus (%) - India |
|---------------------------------|----------------------|--------------------|---------------------|
| Janji yang ditawarkan | 70.9 | 93.3 | 53.6 |
| Ingin mencuba pemerintahan baru | 62.7 | 70.9 | 51.8 |
| Telus | 25.1 | 41.4 | 13.1 |
| Adil | 24.1 | 35.4 | 13.1 |
| Kepimpinan Anwar | 26.9 | 14.6 | 28.6 |
| Kerap turun padang | 13.6 | 24.6 | 26.2 |
| Tidak perkauman | 6.9 | 15.7 | 4.8 |
| Beragama | 8.5 | 6.3 | 0.0 |

Persetujuan responden mengenai isu-isu politik

Bagi soalan-soalan mengenai isu-isu semasa dan isu politik pula, responden ketiga-tiga etnik bersetuju bahawa informasi dari internet mempengaruhi kecenderungan politik pengundi. Dengan meledaknya penggunaan internet dan media sosial, rakyat terutamanya golongan muda banyak memperoleh maklumat melalui kesemua jaringan ini. Teknologi komunikasi moden ini membolehkan penduduk mendapatkan akses maklumat hanya di hujung jari. Responden kebanyakannya memperoleh sumber maklumat politik melalui media sosial, laman web dan blog (Rujuk Jadual 5). Populariti ketiga-tiga sumber maklumat atas talian ini ini memang tidak dapat disangkal kerana responden terutamanya golongan muda dan celik IT menjadikannya sebagai pilihan yang terbaik untuk mencari maklumat dan berhibur. Faktor sumber dan bahan yang dipaparkan oleh laman web lebih berunsur formal dan sesetengah blog menyebabkan golongan muda lebih cenderung melayari media sosial berbanding laman web yang kebanyakannya merupakan penulisan bebas pelbagai golongan masyarakat berdasarkan pandangan politik masing-masing (Junaidi et al. 2012a).

Media sosial juga merupakan media yang memberi kebebasan kepada setiap parti untuk membangkitkan sesuatu isu. Dengan adanya video dan gambar yang boleh ditonton oleh pengguna media ini, rakyat/belia berpendapat bahawa kebenaran dapat diperoleh dan maklumat daripada media ini lebih dipercayai. Disamping itu, rakyat juga bebas bersuara dan memberikan pendapat serta kritikan tentang

sesuatu isu yang dibangkitkan melalui media sosial. Oleh itu, belia di kawasan kajian kebanyakannya memperoleh maklumat politik daripada media sosial.

Jadual 5. Persepsi responden mengenai isu-isu politik (setuju)

| Isu-isu politik | Peratus (%) - Melayu | Peratus (%) - Cina | Peratus (%) - India |
|---|-------------------------|-----------------------|------------------------|
| Informasi dari Internet mempengaruhi kecenderungan politik pengundi. | 91.3 | 73.9 | 79.2 |
| Kepimpinan BN yang rasuah dan korup menyebabkan pengundi tidak menyokong Kerajaan Pusat. | 72.1 | 64.6 | 67.3 |
| Kalimah ‘Allah’ adalah milik mutlak agama Islam dan umat Islam perlu menyokong kenyataan tersebut tanpa mengira perbezaan fahaman politik dan etnik. | 81.6 | 15.3 | 24.4 |
| Imej Dato’ Sri Mohd Najib yang baik dan sederhana diterima dan disenangi rakyat. | 66.0 | 20.9 | 60.7 |
| Kepimpinan Ahli Parlimen saya sekarang perlu dikekalkan kerana telah menunjukkan prestasi yang amat baik. | 50.4 | 55.6 | 35.7 |
| BN dapat membentuk kerajaan yang stabil. | 57.0 | 22.4 | 61.3 |
| Pergeseran dalaman parti-parti dalam Pakatan Rakyat menjelaskan keyakinan dan sokongan pengundi kepada mereka. | 58.8 | 20.1 | 45.2 |
| Isu Hudud akan menyebabkan Pakatan Rakyat terus kehilangan sokongan pengundi. | 55.7 | 13.4 | 25.6 |
| Sistem pemilihan ‘Electoral College’ dalam pemilihan UMNO 2013 yang menggalakkan lebih ramai ahli UMNO untuk memilih pemimpin pilihan mereka adalah baik dan wajar diikuti semua parti politik. | 38.1 | 10.8 | 11.3 |
| Isu debat Bawani vs Sharifah Zohra di UUM menjelaskan sokongan mahasiswa kepada BN. | 36.0 | 9.0 | 8.9 |

Elemen yang mempengaruhi responden untuk mengundi

Ketaatan politik terhadap sesebuah parti banyak ditentukan oleh persekitaran seseorang itu dibesarkan dan dididik. Proses pendidikan ini akan mengakibatkan terbinanya imej-imej tertentu dalam minda seseorang individu dan imej-imej ini akan dikaitkan dengan institusi dan parti-parti politik tertentu. Dalam konteks ini, imej sesebuah parti lebih mempengaruhi sikap terhadap parti dan penentuan pilihan mengundi berbanding dengan dasar yang dibawa oleh parti berkenaan. Identifikasi parti dan fenomena ketaatan terhadap sesebuah parti politik bermula sejak zaman kanak-kanak dan seterusnya kekal hingga sepanjang hayat. Tingkah laku mengundi seseorang akan didorong oleh pengaruh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, perlakuan mengundi akan ditentukan oleh isu dan daya tarikan calon. Apabila kedua-dua unsur ini dicantumkan dengan identifikasi parti, maka pilihan pengundi akan menjadi semakin mudah dilihat kecenderungannya. Namun dalam jangka panjang, corak pengundian akan ditentukan oleh identifikasi parti, agama, kaum dan kelas masyarakat. Kebanyakan pengundi merasakan kemestian untuk mengundi parti yang diwarisi dari keluarga mereka. Perasaan ini tetap kekal sepanjang hayat mereka tanpa mengira kepimpinan parti. Walau bagaimanapun sebilangan pengundi yang bertukar identifikasinya adalah disebabkan kurangnya pengaruh keluarga, perbezaan dengan kumpulan terdekat, kelas sosial, ekonomi dan politik.

Justeru, teori identifikasi parti adalah masih dominan berbanding model pengundian lain di kawasan kajian (Lihat Jadual 6) dan juga di Malaysia. Pengundi/responden ketiga-tiga etnik lebih memilih parti berbanding faktor calon dan faktor isu. Faktor calon yang seetnik juga bukan merupakan faktor utama pemilihan dalam pengundian. Pengundi secara umumnya telah mengidentifikasi dengan parti-parti tertentu. Namun begitu didapati juga jumlah pengundi yang tidak mengikat dengan mana-mana parti dan

cenderung kepada model pilihan rasional dan model retrospektif juga semakin membesar dan menjadi faktor penentu di kawasan-kawasan pilihan raya tertentu.

Jadual 6. Elemen yang mempengaruhi responden untuk mengundi

| Elemen yang mempengaruhi responden untuk mengundi | Peratus (%) - Melayu | Peratus (%) - Cina | Peratus (%) - India |
|---|----------------------|--------------------|---------------------|
| Bangsa | 3.9 | 5.6 | 1.8 |
| Agama | 7.2 | 0.0 | 2.4 |
| Parti | 61.9 | 62.7 | 67.9 |
| Calon | 26.9 | 31.7 | 28.0 |

Kerajaan yang dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan responden

Responden turut ditanya mengenai kerajaan pimpinan parti mana yang mereka yakin dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan mereka. Dapatkan kajian menunjukkan BN lebih diyakini berbanding PR terutamanya bagi responden etnik Melayu dan India (Lihat Rajah 7). BN diyakini dapat menyelesaikan masalah mereka kerana pengalaman memerintah negara ini sejak pilihan raya pertama hingga sekarang. Banyak bentuk pembangunan telah dicapai sama pembangunan fizikal dan juga pembangunan spiritual sejak Perdana Menteri Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hingga Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak dengan pelbagai dasar pembangunan negara telah diperkenal dan dilaksanakan sama ada jangka pendek maupun jangka panjang. Di bawah pemerintahan BN juga negara ini telah membina jaringan serantau sama ada dalam bidang ekonomi, sosial maupun politik yang luas sama ada dengan negara-negara kecil dan mundur hingga negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis dan lain-lain. Justeru, pengalaman dalam pemerintahan tersebut dijadikan hujah oleh responden untuk terus mempercayai BN bagi memerintah negara ini. Pihak Pakatan Rakyat tidak mempunyai pengalaman memerintah negara, hanya dalam masa beberapa penggal mentadbir negeri Kelantan, Terengganu, Selangor, Kedah dan Perak yang mempunyai kuasa yang terhad di peringkat negeri sahaja. Justeru, majoriti responden tidak ingin mengambil risiko untuk menukar pemerintah yang sedia ada, memadai dan selesa dengan BN sahaja untuk meneruskan kesinambungan pemerintahan berdasarkan politik konsosiasional iaitu politik permuafakatan dalam kaum-kaum yang multietnik di negara ini iaitu politik BN.

Jadual 7. Kerajaan yang dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan responden

| Kerajaan pimpinan Parti mana yang anda yakin dapat menyelesaikan isu sosial, ekonomi dan politik di kawasan responden | Peratus (%) - Melayu | Peratus (%) - Cina | Peratus (%) - India |
|---|----------------------|--------------------|---------------------|
| BN | 72.6 | 50.4 | 86.9 |
| PR | 27.4 | 49.6 | 33.3 |

Pihak yang menjadi pilihan responden pada PRU 2013

Merujuk kepada parti politik yang akan disokong dalam PRU-13, majoriti responden etnik Melayu dan India menyokong BN (Lihat Rajah 8). Faktor nasional yang dilihat mempengaruhi sokongan responden kepada BN ialah keamanan, kestabilan dan kemajuan yang diperjuangkan BN oleh Perdana Menteri Dato' Mohd Najib Tun Abdul Razak. Pengundi terutamanya daripada etnik Melayu berdiri teguh di belakang PM dan UMNO dan percaya hanya UMNO yang dapat mempertahankan legasi Melayu di Kuala Lumpur. Pengundi juga tidak inginkan kepada kekecohan ataupun huru-hara seperti 'Arab Spring' kerana keadaan itu hanya merugikan rakyat dan negara. Pembangkang perlu bersikap seperti BN dalam PRU 12, BN kalah lima negeri tetapi penyokong BN tidak mencetuskan huru hara. BN menghormati undang-undang

serta proses pilihan raya. Penduduk Kuala Lumpur khususnya tidak mungkin terpengaruh dengan perbuatan khianat serta tidak bertanggungjawab tersebut.

Faktor nasional seterusnya ialah program ‘transformasi’ yang dijalankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak diterima rakyat. Antara program transformasi yang praktikal dan dapat dinikmati terus oleh rakyat ialah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Strategi yang digunakan oleh Dato’ Seri Najib Tun Razak bagi memujuk rakyat khususnya dalam kalangan penyokong tegarnya dan juga pengundi atas pagar agar mengundi BN pada PRU ke-13 seterusnya berjaya menarik sokongan pengundi terutamanya daripada etnik Melayu dan India. Pemberian bantuan tunai bernilai RM500 bagi rakyat pendapatan isi rumah kurang daripada RM3000 sebulan dan RM250 bagi individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan kurang RM2000 sebulan membuktikan keprihatinan Kerajaan Pusat/BN terhadap bebanan dihadapi rakyat. Hal ini menyebabkan rakyat yang asalnya menyokong PR pada PRU 2008 memikirkan faedah yang diterima sekiranya BN terus memerintah dan menyebabkan mereka memilih BN.

Jadual 8. Pihak yang menjadi pilihan responden pada PRU 2013

| Pihak yang menjadi pilihan responden pada PRU 2013 | Peratus (%) - Melayu | Peratus (%) - Cina | Peratus (%) - India |
|--|----------------------|--------------------|---------------------|
| BN | 65.5 | 34.7 | 80.4 |
| PR | 34.5 | 65.3 | 7.7 |

Responden etnik Cina dilihat memilih Pakatan Rakyat kerana beberapa faktor. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya *realignment* besar pengundi Cina kepada parti-parti pembangkang (DAP, PKR dan PAS dalam Pakatan Rakyat) dalam PRU 2013 ini ialah keyakinan pengundi etnik Cina. Majoriti pengundi Cina sangat yakin bahawa Pakatan Rakyat akan menang dalam PRU ke-13 kali ini. Mereka yakin dengan kepemimpinan Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Tuan Guru Nik Aziz dan Lim Kit Siang. Kesemua pemimpin tersebut dikatakan mendapat sokongan padu daripada pengundi Melayu di bawah parti masing-masing. Hasilnya dalam PRU 2013, keyakinan terhadap sokongan pengundi Melayu kepada Anwar Ibrahim dan Nik Aziz menyebabkan yakinkan kesatuan bangsa Malaysia kepada pemimpin-pemimpin pembangkang tersebut telah meyakinkan keseluruhan pengundi Cina untuk menyokong DAP.

Faktor seterusnya ialah untuk memenuhi keinginan atau impian pengundi etnik Cina dalam perkara tertentu. Bagi mereka, PRU 2013 merupakan kesempatan dan peluang terbaik kepada DAP dan kaum Cina untuk mendapatkan jawatan tertinggi dalam pembuatan keputusan di negara ini iaitu Timbalan Perdana Menteri. Dengan mendapat kuasa di Putrajaya, mereka juga dapat melaksanakan dasar ‘Malaysian-Malaysia’ iaitu dasar kesamarataan antara kaum tanpa mengutamakan satu kaum sahaja dalam segala aspek di negara ini. Setelah selama ini mereka menguasai ekonomi, di akhirnya, mereka akan mendominasi kuasa politik yang merupakan agenda terakhir dan terpenting dalam negara ini. Faktor seterusnya ialah untuk melaksanakan janji pilihan raya seperti yang termaktub dalam manifesto bersama Pakatan Rakyat. Dengan menguasai Putrajaya, dasar-dasar yang melibatkan kuasa Persekutuan diyakini dapat dilaksanakan oleh pemimpin PR seperti pendidikan percuma dengan menghapuskan pinjaman pelajar iaitu PTPTN dan digantikan dengan biasiswa, penghapusan tol di lebuh raya, menurunkan harga petrol dan harga kereta seterusnya menghapuskan rasuah.

Faktor menyebabkan pengundi Cina tidak menyokong BN juga boleh dikaitkan dengan beberapa isu antaranya ialah kemarahan yang terpendam kaum Cina terhadap tanggapan sesetengah pemimpin ultra Melayu terhadap kaum Cina sebagai ‘pendatang’ dan warganegara kelas kedua, isu rasuah dan integriti yang gagal ditangani BN sebagai Kerajaan seperti isu PKFZ dan pembahagian tender projek secara rundingan terus, isu kematian Pembantu ADUN Sri Kembangan (Teoh Beng Hock) yang dikatakan tidak mendapat pengadilan yang sewajarnya daripada pihak polis dan mahkamah, isu ketelusan dalam perbelanjaan negara, isu kelas sosial yang dikaitkan dengan ketidakseimbangan pendapatan terutamanya di kawasan bandar, ‘brain drain’ yang memberi kesan kepada golongan cerdik pandai Cina, kemerosotan kepada kemahiran yang membawa kepada pendapatan yang rendah, ketidakadilan dalam projek

pengagihan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang tidak kompetitif, isu pendidikan Cina yang tidak berdaya saing walaupun sekolah vernakular masih dikekalkan, ketidakpatuhan kontrak sosial 1957 dan kemunculan DAP sebagai penghubung politik yang baru kepada komuniti Cina.

Justeru, senario realignment pengundi Cina ini dapat dikaitkan dengan pendekatan tingkah laku pengundi pilihan rasional bagi etnik tersebut kerana mereka merasakan parti yang berasaskan etnik mereka iaitu MCA dan juga beberapa parti multietnik namun didominasi etnik Cina iaitu GERAKAN, SUPP dan LDP dilihat gagal memperjuangkan hak dan kepentingan etnik mereka sebaliknya terus akur dengan keputusan parti utama dalam BN iaitu UMNO dalam soal agihan ‘kek’ ekonomi, sosial dan kuasa politik di negara ini. Justeru bagi pengundi Cina, jalan alternatif yang dapat diharapkan untuk memperjuangkan hak, kepentingan dan suara mereka ialah DAP dan juga parti-parti lain dalam Pakatan Rakyat iaitu PKR dan PAS dengan memberi undi mereka secara ‘solid’ dalam PRU 2013 yang lalu. Mungkin jika BN ingin memperoleh semula undi Cina ini pada PRU akan datang, parti ini perlu mengendurkan elemen perkauman dalam BN dan Kerajaan Pusat serta berusaha membanteras rasuah serta penyalahgunaan kuasa dalam tempoh 5 tahun sebelum PRU akan datang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pola pemikiran politik antara kaum berbeza terhadap kerajaan atau parti politik yang bertanding. Kaum Melayu dan India lebih cenderung memilih BN, manakala kaum Cina terus memihak kepada parti-parti pembangkang/Pakatan Rakyat. Sokongan padu responden Melayu dan India adalah kerana program-program transformasi yang dicetuskan Perdana Menteri yang dilihat memberi kebaikan kepada rakyat. Kemerosotan sokongan kaum Cina terhadap Barisan Nasional selain didorong oleh keinginan mahu berubah kerana tidak berpuas hati dengan ketidakmampuan kerajaan memenuhi aspirasi rakyat, keadaan ekonomi negara yang merosot, kenaikan harga barang dan kadar inflasi yang tinggi, juga disebabkan keyakinan masyarakat tersebut terhadap dasar-dasar dan sikap Pakatan Rakyat yang lebih terbuka berbanding UMNO/BN khususnya dalam isu pendidikan dan ekonomi Cina. Justeru, kedua-dua pihak perlu melakukan 'post mortem' secara terperinci, telus dan tegas bagi memperbaiki kelemahan masing-masing. Ini protes atau ketidaksokongan sesuatu pihak perlu dilihat dalam skop yang lebih luas dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Rujukan

- A. Kadir Jasin (2013) *Mohd Najib selepas tsunami Cina*. Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
Abdul Ghafar Abdullah (2013) Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan PPR Kg Muhibbah, Temubual pada 8 Oktober di kawasan perumahan PPR Kg Muhibbah, Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi.
Adnan Haji Nawang (1997) *Kuala Lumpur dari perspektif Haji Abdullah Hukum*. Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus (2001) ‘Sanitary Board’ Kuala Lumpur: Peranan dan pentadbiran 1890-1914. Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
Ahmad Long (2013) Penghuni Perumahan PPR Kg Limau, Temubual pada 8 Oktober di kawasan perumahan PPR Kg Limau, Kuala Lumpur, jam 2.00 petang.
Azmeer Azmi (2012) Pembentukan Wilayah Persekutuan 1974: Isu penyerahan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat. Kertas Kerja The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. 9-11 Julai.
Daud Isnin (2013) Pengurus Persatuan Penduduk Perumahan PPR Seri Malaysia, Temubual pada 3 Oktober di kawasan perumahan PPR Seri Malaysia, Kuala Lumpur, jam 5 petang.

- Ismail Mohd Yusof, Azmi Ahmad Baharom (2001) Pembandaran Kuala Lumpur: Satu analisis perkembangan fizikal bandaraya. *Persidangan Kebangsaan Geografi Dalam Pembangunan Negara 2001*. Kuala Lumpur: Jabatan Geografi, Universiti Malaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2004) *Bank data negeri/daerah Malaysia 2004*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali (2012a) Pembangunan perumahan: Sejarah, polisi dan impak geopolitik di Kuala Lumpur. *Postgraduate Research Seminar (POGRES), 2012*. Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 21 November.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Mazlan Ali (2012b) Politik Bandar: Persepsi dan Tingkah Laku Politik Pengundi di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan dan Batu. *Akademika* 82 (3), 61-75.
- Junaidi Awang Besar (2013) PRU 2013: Pertarungan Sengit di Kawasan Parlimen (P121) Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Seminar Penyelidikan Siswazah Unisza (Unisza Postgraduate Research Conference) Peringkat Kebangsaan. 7-8 September.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali (2013a) Analisis Geografi Pilihan Raya di Kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur 1955-2013. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (2013). Anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di Hotel Eastin Pulau Pinang. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali (2013b) Perumahan dan Impak Geopolitik dalam PRU 1995 hingga 2013: Kajian kes di Kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia (PAHMI7), Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur. 22-24 Oktober.
- Kamarudin Hamid (2013) Pengurus Persatuan Penduduk Perumahan PPR Seri Cempaka, Temubual pada 8 Oktober di kawasan perumahan PPR Seri Cempaka, Kuala Lumpur, jam 5.30 petang.
- Kamarul Afizi Kosman, Lim Yong Long, Rosdan Abdul Manan, Azimin Samsul Mohd Tazilan, Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi (2008) *50 tahun perumahan awam di Kuala Lumpur: Menyingkap sejarah, perkembangan dan halatuju perumahan di ibu negara*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Hasbie Muda (2013) *Kemenangan yang tertangguh: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 dan unjuran kemenangan masa hadapan*. Megamind Leadership Consultancy, Petaling Jaya.
- Peter Loo Hooi Piow, Phang Yow Kit (2012) *Images of Kuala Lumpur*. Marshall Cavendish, Singapore.